



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham (019-365 7356)

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

En. Muhamad Saad Sulaiman | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743)

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adun

SKUDAI | 30 Januari 2024

SESI PERBINCANGAN PESUTM - WASIYAH SHOPPE

Pada 30 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Undergraduate School Blok R02 UTM telah diadakan sesi perbincangan antara Wasiyyah shoppe dengan Persatuan Pesara UTM. Perbincangan ini mauduknya berfokus kepada kertas cadangan yang dipanjangkan Wasiyyah shoppe kepada PESUTM berhubung hasrat Wasiyyah shoppe mengadakan kerjasama (menjadikan PESUTM Rakan Mawarith) bagi memasarkan produk yang mereka usahakan sebagai imbalannya Wasiyyah shoppe memberi insentif kadar tertentu bagi produk yang terpasar.

Dalam sesi perbincangan ini bagi pihak Wasiyyah shoppe diwakili Haji Azmi Mukhalid (Da'e Profesional Mawarith) dan Tuan Haji Adzhar. Manakala PESUTM selain Yang DiPertua Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus mempengerusikan sesi perbincangan juga turut disertai Timbalan Yang DiPertua, Tuan Haji Salleh Mohamad, Haji Ismail Samat, Haji Khalid Mazlan, Haji Zainul Rashid Abu Bakar, Saudara Roslan Abd Ghani, Haji Ansar Sidek, Puan Aprizah Ab Rahim, Puan Ramlah Husin, Haji Jamaluddin Harun, Haji Zainal Abidin Hassan, Dr Hafizah Harun dan Haji Bakri Dahalan

Kerjasama yang ditawarkan Wasiyyah shoppe merujuk kertas kerjasama Perkara 2.0 menggariskan tiga manfaat diterima PESUTM. Pertama peluang dan manfaat bersama dengan semua pihak dalam menyampaikan dakwah kepentingan pengurusan dan perancangan harta pusaka di samping menjana dana. Kedua menjadi PESUTM lebih bermanfaat dalam kalangan ahli khasnya dan masyarakat setempat amnya, dan ketiga menyediakan satu mekanisme mudah dan berkesan dalam mengurus pewarisan harta pusaka dalam kalangan umat Islam dalam kalangan ahli dan warga setempat.

Kertas sama merujuk perkara 3.0 menggariskan Kepentingan dan Manfaat bakal diperoleh PESUTM iaitu PESUTM dapat berperanan sebagai badan dakwah menyampaikan maklumat penting daripada sudut hukum hakam. Kedua membantu PESUTM menambah dana RM5 setiap peserta menerusi khidmat AI-Wasitah dan 5% setiap peserta yang melanggan perkhidmatan perancangan harta.

Diakhir perbincangan, PESUTM meminta diberikan masa bagi membolehkan PESUTM membincangkan secara lebih mendalam dan menyeluruh dengan AJK dan sebarang keputusan bersetuju atau sebaliknya akan dimaklumkan kepada pihak Wasiyyah shoppe.

